

(BAB 7) IDEOLOGI



HASIL PEMBELAJARAN

- 1. Menjelaskan cabaran ideologi relativisme pasca moden sebagai reaksi daripada kegagalan modeniti
- 2. Menjelaskan perkembangan fenomena dan manifestasi relativisme pasca moden
- 3. Menghuraikan implikasi relativisme pasca moden dalam menafikan kebenaran dan hakikat dalam kehidupan semasa
- 4. Menganalisis jawapan agama dan tradisi terhadap cabaran ideologi relativisme pascamoden dalam kehidupan semasa

KANDUNGAN KULIAH

ALIRAN IDEOLOGI SEMASA

IMPLIKASI TERHADAP EPISTEMOLOGI



•Cabaran Ideologi Relativisme Pascamoden

Fenomena dan Manifestasi Relativisme Pascamoden

•Implikasi Relativisme Dalam Kehidupan

Jawapan Agama & Tradisi Terhadap Relativisme Pasca Moden

- Abad ke-18 , Gerakan *Enlightenment*
- Tokoh: Immanuel Kant, Carl Popper, John Locke
- Menekankan akal fikiran rasional dalam menentukan kebenaran, mencipta sesuatu kejayaan atas dasar kemanusiaan bukan keagamaan
- Manusia boleh mencapai kemajuan dengan akal fikiran semata-mata untuk mewujudkan masyarakat manusia yang baharu
- Menganggap bahawa kebenaran ilmu pengetahuan bersifat mutlak dan objektif, ertinya tiada nilai daripada manusia.
- Enlightenment Project – sains menjadi kayu ukur kebenaran bagi semua bidang ilmu
- Abad 20- kejayaan sains dan ahli falsafah Bertrand Russell, Karl Popper – Positivisme Logical menekankan akal fikiran rasional dan kaedah saintifik bagi menyelesaikan masalah kemanusiaan.



**All our knowledge begins
with senses, turns
into understanding, and
ends with reason.
There is nothing
higher than reason**



~ Immanuel Kant ~

www.StatusMind.com



**“No man's
knowledge here
can go beyond
his experience.”**

John Locke

(An Essay Concerning Human Understanding)

“

In so far as a scientific statement
speaks about reality, it must be
falsifiable; and in so far as it is not
falsifiable, it does not speak about reality.

Karl Popper

iinspirationalquotes.com

PENGENALAN PASCA MODENISME

- Digunapakai dalam pelbagai disiplin ilmu antropologi, psikologi, sosiologi, sejarah, politik dan lain-lain
- Kesenambungan daripada pemikiran Modenisme
- Anti kepada asas-asas Kebenaran dan Hakikat
- Sikap tidak mengambil kisah kepada kehilangan sejarah, jatidiri, agama, dan tradisi





PASCA MODERNISME

- Reaksi daripada kegagalan modernisme untuk memberikan suatu pemikiran baru dan solusi dalam pandangannya terhadap ilmu pengetahuan.
- Kritikan pasca modernis terhadap modernis: kerana bersifat logocentric yang tidak seimbang sedangkan manusia terdiri daripada intelek, rohani, emosi, dan intuitif.
- **Thomas Kuhn** mempersoalkan objektiviti ilmu sains dalam pemikiran moden, sebaliknya ilmu sains mengandungi juga aspek bukan rasional/logikal - boleh dipengaruhi oleh faktor psikologi dan sosiologi (berkait dengan perasaan manusia, bukan berdasarkan logik semata-mata).

Social Constructivist

- Ilmu tidak semestinya mencerminkan hakikat alam secara objektif.
- Ilmu adalah konstruk yang dikaitkan dengan kepentingan & pandangan masyarakat yang menyusup masuk ke dalam pembinaan ilmu sains, maka alam dilihat secara selektif dan bukan secara neutral.
- Manusia memilih aspek alam yang berkait dengan kepentingan diri untuk mencipta ilmu yang berguna kepada mereka.
- Saintis bersikap pilih kasih dalam pemilihan bidang kajian mengenai alam tabii. Contoh: Istilah metafora dalam sains perubatan – serangan bakteria terhadap tubuh manusia.
- Tokoh: **Derrida, Michael Foucault**

KONSEP-KONSEP ASAS PASCAMODERNISME



➤ Kehidupan
hanya di
sini

➤ Penolakan
terhadap
segala
bentuk
Naratif Besar

➤ Semua
“kebenaran”
bergantung
kepada
konstruksi
budaya
semata-mata

➤ Skeptisme
terhadap
kemajuan

MODENISME vs PASCA MODENISME

MODENISME

- Naratif-Naratif Besar
- Barat=Kemajuan

- Keluarga sebagai unit asas
- Kesahihan dan Keaslian



- Penggunaan Massa

PASCA MODENISME

- Naratif-Naratif Kecil
- Barat=Penjajahan

- Keluarga sebagai alternatif
- Simulacra dan Realiti Ciptaan

- Niches dan Identiti Kumpulan



MODENISME Vs PASCA MODENISME

MODENISME

- Kelas-Kelas Sosial Jelas
- Agama Tradisional
- Budaya Tahap Tinggi
- Keseriusan Niat dan Tujuan

Profesional

VS

PASCA MODENISME

- Asas yang tidak jelas kepada
- Kesatuan masyarakat
- Agama New- Age
- Budaya Tinggi dan Rendah
- Permainan Niat dan Tujuan

KAEDAH PENYEBARLUASAN

Kaedah Perlaksanaan	Fenomena & Manifestasi	Objektif	Mekanisme Penyebaran
Deconstructionisme	Hyperreality Realiti-Realiti Baru Pseudo-Realiti Virtual Realiti	Memusnahkan realiti / makna lama dan mencipta realiti / makna baru	Teknologi, keganasan, dadah dan media mencipta hakikat baru
Relativisme	Ilmu sebagai komoditi Komersialisasi universiti	Memusnah atau menyamaratakan hiraki realiti, ilmu, dan nilai	Teknologi, keganasan, dadah dan media menisbikan realiti, ilmu dan nilai
Pluralisme	Pluralisme Agama LGBT	Memusnahkan keunikan realiti, ilmu dan nilai dengan menerbitkan pilihan yang pelbagai	Teknologi, keganasan, dadah dan media menjadikan kerencaman sebagai semulajadi
Fethishisme	Konsumerisme Cyborgs Robot Klon Manusia	Mengisi atau mencipta roh atau semangat baru dari kemusnahan dan penciptaan baru.	Teknologi, keganasan, dadah dan media mencipta roh atau semangat pada benda

CABARAN PASCAMODENISME TERHADAP AKIDAH & PEMIKIRAN ISLAM

	ONTOLOGI	EPISTEMOLOGI	AKSIOLOGI
	Faham Wujud (hakikat kewujudan dan hubungan antara mereka)	Faham Ilmu (Kaedah, sumber dan pengesahan ilmu pengetahuan)	Faham Nilai (prinsip akhlak, etika, dan moral)
Penjelasan Akidah (Ilmu Kalam)	Allah, Malaikat, Rasul, Hari Akhirat	Kitab Al-Qur'an, Allah, Rasul	Qada' & Qadar, Hari Akhirat, Rasul
Pendirian & Sikap Islam	Mengisbatkan kewujudan hakikat sebagai benar lagi objektif atau realiti yang benar dan wujud.	Mengisbatkan kebolehcapaian dan kebenaran ilmu melalui kaedah dan sumber wahyu.	Mengisbatkan prinsip yang tetap tentang baik dan buruk atau salah dan silap dari sudut etika dan estetika.
Pendirian & Sikap Modenisme	Mengisbatkan hanya wujud fizikal	Mengisbatkan hanya ilmu akli dan inderawi	Tiada prinsip nilai yang tetap tetapi menurut situasi
Pendirian & Sikap Pascamodenisme	Semua kewujudan adalah relatif (nisbi)	Semua kebenaran adalah relatif (nisbi)	Semua nilai adalah relatif (nisbi)

IDEOLOGI RELATIVISME PASCAMODEN



➤ Latar Belakang & Konsep Relativisme

01



➤ Asas & Ciri Relativisme

02



➤ Kelebihan & kelemahan Relativisme

03



CIRI-CIRI RELATIVISME

01

Menafikan universalisme: tidak wujud satu persetujuan sejagat berkenaan kebenaran, kebaikan, dan lain-lain.

02

Menafikan absolutisme: tidak wujud nilai yang bersifat tepat dan tidak berubah seperti nilai kebenaran, kebaikan, keburukan dan lain-lain.

03

Menafikan objektivisme: nilai kognitif, etika dan estetika tidak bebas daripada pengaruh minda (*mind independent*).

04

Nilai ini **tidak mampu bebas** tanpa bergantung kepada pemikiran manusia (yang saling berbeza).

DOMAIN RELATIVISME



- Sesuatu makna direlatifkan oleh bahasa
- Kebenaran direlatifkan dengan teori
- Metafizik direlatifkan dengan paradigma saintifik
- Realiti direlatifkan dengan budaya
- Nilai ilmu direlatifkan dengan masyarakat
- Nilai moral direlatifkan oleh individu
- Nilai seni direlatifkan oleh tempoh sejarah

IMPLIKASI RELATIVISME PASCA MODEN



Faham Relativisme yang menafikan kebenaran mutlak adalah *self defeating* – menafikan kebenarannya sendiri.

- Menafikan hakikat dan kebenaran mutlak (*absolute reality & truth*) – bertentangan dengan agama yang bersifat mutlak kebenarannya

Menimbulkan keraguan

AGAMA
&
BUDAYA

KESIMPULAN

- Falsafah bermula dengan pemikiran dalam kalangan ahli falsafah tetapi sekarang ia menjadi ideologi politik yang melibatkan gerakan massa yang memberi pengaruh besar kepada masyarakat termasuk kepada mereka yang tidak berminat dengan falsafah.
- Kebenaran adalah berdasarkan hakikat yang tetap atau mutlak (agama, ajaran moral).



TERIMA KASIH